

Social Discourse In Malaysia's Indie Masterpieces

Wacana Kemasyarakatan Dalam Karya-Karya Indie Di Malaysia

Asyraff Jamin*, Mary Fatimah Subet

Fakulti Bahasa dan Komunikasi, Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS), 943000 Kota Samarahan, Sarawak, Malaysia

*Corresponding author: 17020098@siswa.unimas.my

Article history: Received 21 April 2019 Received in revised form: 11 May 2019 Accepted: 14 May 2019 Published online: 31 December 2019

Abstract

This research aimed to identify the social discourse presented in five Malaysia's Indie novels entitled *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaherah* (2013), *Kunang Pesisir Morten* (2013), *Tuhan Jaga Dia Untukku* (2017) and *Budak Kelas Belakang* (2018). This is a qualitative research using Georg Lukacs' theory of realism (1963). Structural analysis is used to identify the views, visions, hopes and significant values for efforts to develop and improve the life quality of society. The objectives of this research were to identify Indie writer's thoughts towards developing and improving the life quality of community, to analyse Indie novels which are equivalent to other serious mainstream media and to determine a new definition for Indie masterpieces which evolving as a new literary stream in Malaysia. Research findings indicate that in the society there was a complete social discourse covering social, educational, economic, political and religious aspect. The findings also showed that Indie masterpieces conveyed serious thinking that particularly impact society on socials, educational, economic, political and religious development in a society. Indie masterpieces were also found to be on par with other serious mainstream media. The findings also showed that positive and fair valuation should be given towards these masterpieces. All findings have shown that Indie masterpieces are equivalent to other literary genres in Malaysia.

Keywords: Indie masterpieces, social discourse, Georg Lukacs's theory of realism, society development

Abstrak

Kajian ini menganalisis lima buah novel Indie di Malaysia, iaitu *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaherah* (2013), *Kunang Pesisir Morten* (2015), *Tuhan Jaga Dia Untukku* (2017) dan *Budak Kelas Belakang* (2018) bagi melihat wacana kemasyarakatan yang dikemukakan dalam novel-novel tulisan penulis-penulis Indie di Malaysia. Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kerangka teori realisme Georg Lukacs (1963). Analisis secara struktural digunakan untuk mengenal pasti pandangan, wawasan, harapan dan nilai-nilai yang signifikan terhadap usaha membangunkan dan menambah baik kualiti hidup masyarakat. Tiga objektif ditentukan, iaitu untuk mengenal pasti pemikiran penulis-penulis Indie terhadap pembangunan dan penambahbaikan kualiti hidup masyarakat, menganalisis novel-novel Indie yang setanding dengan karya serius arus perdana, serta untuk menentukan definisi baharu yang lebih adil dan tepat kepada karya-karya Indie yang sedang berkembang sebagai cabang sastera baharu di Malaysia. Kesemua novel yang dianalisis didapati sarat dengan wacana kemasyarakatan yang meliputi aspek seperti sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama dalam kehidupan masyarakat. Dapatan kajian ini menunjukkan karya-karya Indie juga membawakan pemikiran serius yang memberi impak kepada masyarakat khususnya kepada pembangunan sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama dalam sesebuah masyarakat. Karya Indie juga didapati setanding dengan karya-karya serius terbitan arus perdana. Dapatan kajian ini turut menunjukkan penilaian dan definisi yang lebih positif dan adil harus diberikan kepada karya-karya Indie. Kesemua dapatan kajian membuktikan karya Indie adalah setanding dengan karya-karya sastera pelbagai genre di Malaysia.

Kata kunci: Karya Indie, wacana kemasyarakatan, teori realisme Georg Lukacs, pembangunan masyarakat

© 2020 Penerbit UTM Press. All rights reserved

1.0 PENGENALAN

Istilah Indie berasal daripada singkatan perkataan bahasa Inggeris '*independent*' yang membawa maksud bebas atau merdeka. Dalam konteks sastera, Indie dianggap sebagai hasil karya yang diterbitkan secara bukan arus perdana tetapi bersifat komersial (Hasyuda Abadi, 2016). Definisi ini adalah selari dengan definisi Indie dalam *Cambridge Advanced Learner's Dictionary Fourth Edition* (2013), iaitu sebagai *music or films which are made by small companies that are not owned by larger companies*. Sementara *Macmillan Dictionary* pula memberikan takrifan Indie sebagai, *films and music are produced and sold by small independent companies*. Tori (2004) dalam *Urban Dictionary* pula mendefinisikan Indie sebagai, *terms of music it would be independent of major labels or mainstream stuff*.

Definisi-definisi ini adalah selari dengan sejarah kemunculan aliran sastera Indie itu sendiri yang dikatakan bermula sekitar tahun 1950-an atau 1960-an melalui kewujudan aliran muzik Indie yang membawa idea untuk membebaskan diri daripada label rakaman komersial, iaitu dengan mengambil pendekatan menghasilkan dan menerbitkan muzik secara sendiri sehingga tertubuhnya beberapa

syarikat penerbitan muzik Indie (Johnny Rogan, 1992:1-2). Aliran sastera ini seterusnya berkembang sehingga menyaksikan kemunculan lebih banyak elemen Indie lain termasuklah dalam sastera persuratan dan perbukuan.

Di Malaysia, gerakan buku Indie dikatakan bermula sekitar tahun 1998, iaitu semasa zaman Reformasi sebagai medium alternatif untuk menyebarkan ideologi gerakan berkenaan (Amir Asyraff & Mary Fatimah, 2018). Meskipun begitu, pihak Biro Tatanegara (2015) mengatakan buku-buku Indie mula bertapak di negara ini sekitar tahun 2000 sementara mula mencapai kemuncak popularitinya sekitar tahun 2013 (Amir Asyraff & Mary Fatimah, 2018) dan berterusan sehingga ke hari ini.

Permasalahan Kajian

Berdasarkan garis masa kemunculannya, karya-karya Indie masih dianggap sebagai bentuk sastera baharu di Malaysia. Oleh itu, karya Indie pada masa ini masih dianggap sebagai karya yang di luar daripada kebiasaan yang terkandung melalui karya sastera perdana (Hasyuda Abadi, 2016). Karya Indie turut dikatakan sebagai karya yang mengutamakan kebebasan berfikir dan menentang idea yang tidak dikawal, memberontak, agresif serta tidak menepati hukum-hukum penerbitan atau norma hidup.

Dalam pada itu, Md. Salleh Yappar dalam Hasyuda Abadi (2016) mengatakan, kecenderungan masyarakat terhadap karya Indie boleh merosakkan bahasa Melayu dan jati diri bangsa Melayu. Menurutnya lagi, karya-karya Indie adalah karya yang tidak menghiraukan bahasa dan akal budi. Di samping itu, pada tahun 2015, karya-karya Indie pernah disarankan supaya diharamkan oleh pihak kerajaan kerana penggiatnya dikatakan membawa pemikiran baharu, membentuk masyarakat yang ekstrem, mengumpulkan pengikut senyap yang boleh menjejaskan kedudukan kerajaan dalam pilihan raya serta dianggap sebagai gerakan yang dominan di pihak pembangkang (Biro Tatanegara, 2015).

Justeru, kajian ini dilaksanakan bagi meneliti pemikiran dalam karya Indie untuk dijadikan bukti atau hujah yang boleh digunakan untuk memperbetulkan persepsi semasa seterusnya mengangkat karya-karya Indie sebagai karya yang mampu menyaingi kualiti karya-karya serius lain atau dalam konteks kajian ini, mampu memberikan impak yang positif kepada pembangunan dan penambahbaikan kualiti hidup masyarakat. Melalui kajian ini juga, penilaian yang lebih positif dan adil akan dapat diberikan kepada karya-karya Indie di samping dapat dijadikan sebagai panduan pembaca dalam memilih karya-karya Indie yang berkualiti untuk dibaca.

Objektif Kajian

Objektif yang ingin dicapai dalam kajian ini adalah seperti berikut :

- i. Mengetahui mengenai wacana kemasyarakatan yang terdapat dalam novel terbitan penerbit Indie yang terdapat di Malaysia.
- ii. Menganalisis novel terbitan penerbit Indie yang setanding dengan karya serius yang lain menggunakan teori Realisme Georg Lukacs.
- iii. Menentukan definisi baharu terhadap karya-karya Indie yang kian pesat berkembang di Malaysia.

2.0 TINJAUAN LITERATUR

Kajian Terhadap Karya-karya Indie

Sebagai cabang sastera yang masih baharu di Malaysia, maka masih belum banyak kajian ilmiah yang menjurus kepada sastera Indie dilakukan di Malaysia. Tambahan pula, faktor kemunculan karya-karya Indie ini hanya mula dikenali ramai bermula tahun 2013 dan juga faktor penerimaan masyarakat terhadap karya-karya ini sedikit banyak mempengaruhi minat pengkaji-pengkaji di luar sana untuk meneliti karya-karya ini. Antara kajian lepas yang dikenal pasti menjurus terhadap karya atau buku Indie ialah kajian oleh Mohd Khairul, Florence Gilliam dan Muhammad Zaid (2018), kajian yang dijalankan oleh Muhammad Rashidi dan Nurhidayah (2016) dan kajian yang dilaksanakan Nor Hasimah dan Melor Fauzita (2016).

Mohd Khairul, Florence Gilliam dan Muhammad Zaid (2018) telah melakukan Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. Kajian ini telah menggunakan novel Nasi Kangkang tulisan Azwar Kamaruzaman sebagai data kajian. Melalui kajian ini, pengkajinya mendapati novel Nasi Kangkang banyak menggunakan unsur diksi seperti slanga, dialek Utara, bahasa asing, serta didapati gemar menggunakan gaya bahasa hiperbola dan simile.

Muhammad Rashidi dan Nurhidayah (2016) pula telah menulis Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie Di Malaysia. Kajian ini telah menganalisis sebuah buku Indie yang berjudul *Antithesis* tulisan Benz Ali. Hasil daripada kajian ini mendapati bahawa gaya penulisan buku Indie adalah bersifat memberontak dan agresif, luar daripada kebiasaan sastera arus perdana yang terikat kepada etika penulisan dan penerbitan. Menurut Muhammad Rashidi dan Nurhidayah (2016) lagi, buku Indie telah membawa kejutan budaya dan pemikiran yang meruntuhkan nilai-nilai keagamaan serta budaya ketimuran serta mencabar sensitiviti masyarakat tempatan. Penulis Indie turut dikatakan sebagai penulis yang celaru, agnostik dan narisistik.

Sementara Nor Hasimah dan Melor Fauzita (2016) pula telah melaksanakan kajian yang bertajuk *Karya Indie: Revolusi Penulis Generasi Baru*. Data kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah daripada novel *Kelabu* tulisan Nadia Khan. Kajian ini mendapati bahawa isu atau plot novel *Kelabu* terdiri daripada nasihat, catatan perjalanan, catatan diari, pemberontakan, sarkastik, jenaka, maki hamun, dan penentangan. Novel *Kelabu* turut didapati menentang persoalan krisis identiti yang berlaku dalam diri remaja. Dari aspek gaya bahasa pula, penulisnya dikenal pasti menggunakan gaya bahasa yang agak santai, penggunaan bahasa basahan, slanga, kependekan termasuklah menggunakan bahasa Inggeris yang tidak betul terutamanya dari segi ejaan sebenar. Nor Hasimah dan Melor Fauzita (2016) menyimpulkan novel *Kelabu* sebagai novel yang bebas dan tidak terikat dengan struktur penulisan novel yang sepatutnya.

Berdasarkan kajian-kajian lepas yang telah dirujuk ini, pengkaji mendapati bahawa fokus kajian-kajian ini adalah tidak menyeluruh. Mohd Khairul, Florence Gilliam dan Muhammad Zaid (2018) hanya melihat aspek gaya bahasa sahaja sementara Muhammad Rashidi dan Nurhidayah (2016) serta Nor Hasimah dan Melor Fauzita (2016) dilihat lebih memfokuskan kelemahan dan sisi negatif karya Indie semata-mata. Di samping itu, kajian-kajian lalu yang telah dijalankan ini pada pandangan pengkaji adalah bersifat tidak adil kerana

penilaiannya hanya dilakukan ke atas sebuah buku atau novel Indie sahaja sedangkan di luar sana terdapat begitu banyak karya-karya Indie yang bagus dan bermutu. Dalam pada itu, pengkaji turut mendapati bahawa masih belum ada pengkaji yang menjalankan kajian yang memfokuskan kepada pemikiran dalam karya-karya Indie. Justeru, kelompangan inilah yang dirasakan oleh pengkaji sebagai suatu ruang yang patut diisi. Maka kajian ini akan mengupas pemikiran-pemikiran yang terkandung di dalam karya-karya Indie yang dirasakan signifikan dan mampu memberi impak positif kepada pembangunan dan penambahbaikan kualiti hidup masyarakat. Dengan ini, pengkaji akan dapat membuktikan bahawa karya-karya Indie juga membawakan pemikiran yang setanding dengan karya-karya sastera pelbagai genre di Malaysia.

Kajian Sastera Realisme

Realisme menurut Eagleton (1976) merupakan sebuah aliran kesusasteraan yang menekankan tugas pengarang dalam menggambarkan realiti sosial secara jujur dan selari dengan peredaran masa. Aliran atau teori ini menekankan hubungan dialektik antara pengkarya dengan lingkungan sosialnya (Karyanto, 1997). Menurut Karyanto (1997) lagi, pengkarya realisme tidak hanya digerakkan oleh persekitaran atau lingkungan sosial sahaja, sebaliknya turut berperanan menggerakkan lingkungan sosialnya iaitu bagi mengatasi hambatan atau permasalahan yang wujud dalam lingkungan masyarakat. Di sinilah letaknya nilai estetika kesusasteraan realisme, iaitu dengan mewujudkan masyarakat tanpa penindasan dan perbezaan seperti yang sering dilau-laungkan oleh Pramoedya (2003). Hal ini adalah selari dengan pendapat Gorky (1934) yang menegaskan sesebuah karya sastera realisme sepatutnya memberi impak terhadap masyarakat dalam mengatasi hambatan-hambatan dalam kehidupan sehari-hari.

Kajian terhadap karya sastera yang menggunakan teori realisme sememangnya popular dijalankan di dalam mahupun luar negara. Antara kajian sastera realisme yang telah dijalankan pengkaji terdahulu seperti kajian oleh A. Halim, Norazimah dan Ariff (2017), kajian yang dijalankan Marzalina, Hafidah dan Hasmawati (2016), kajian oleh Rukayah (2016) dan kajian yang dilaksanakan oleh Yau Chee Theng (2015).

A. Halim, Norazimah dan Ariff (2017) menjalankan kajian bertajuk *Gambaran Budaya Masyarakat Brunei Dalam Kumpulan Puisi Diam-Diam Karya K. Manis*. Kajian ini dilaksanakan bertujuan untuk mengenal pasti dan membincangkan gambaran budaya masyarakat Brunei dengan menganalisis 73 buah sajak tulisan K. Manis. Dapatan kajian ini mendapati wujudnya enam gambaran budaya masyarakat Brunei yang diketengahkan oleh K. Manis dalam karya-karya puisinya, iaitu kebergantungan masyarakat Brunei kepada sumber pertanian, masyarakat yang berhadapan dengan musibah, gambaran tentang adat Orang Besar-Besar, gaya hidup berbudi kepada tanah, gambaran kehidupan bernegara dan gambaran perubahan budaya yang berlaku dalam masyarakat. Sungguhpun begitu, K. Manis juga didapati tidak menggambarkan budaya lain di Brunei seperti perdagangan antarabangsa, petroleum, politik dan pendidikan. Hal ini jelas menunjukkan K. Manis hanya memfokuskan kepada hal-hal tradisional tetapi mengabaikan hal-hal pemodenan.

Manakala Marzalina, Nor Hafidah dan Hasmawati (2016) pula telah mengkaji *Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita Dan Percival*. Kajian ini meneliti pemikiran yang disampaikan dalam novel berkenaan. Dapatan kajian ini menunjukkan penulisnya banyak menentang gagasan anti kolonialisme dan imperialisme sebagai pemikiran utama di dalam novelnya. Berdasarkan latar masa yang berkisar pada zaman Perang Dunia Kedua, kebanyakan pemikiran yang diketengahkan berkisar tentang kesengsaraan yang dialami penduduk Tanah Melayu semasa Perang Dunia Kedua. Novel ini turut menentang kesan proses kolonialisme dan imperialisme yang telah membentuk kelas sosial dan pengasingan kaum seperti yang kita lihat di negara kita pada hari ini.

Sementara Rukayah (2016) pula tampil dengan kajian yang bertajuk *Menyoal Realisme Sosial Dalam Novel Gadis Pantai Karya Pramoedya Ananta Teor Dengan Analisis Strategi Naratif*. Rukayah (2016) telah melakukan analisis strategi naratif terhadap novel *Gadis Pantai* karya Pramoedya Ananta Teor bagi mengenal pasti dan mengetahui elemen sastera yang dapat digunakan dalam mempersoalkan kembali posisi Pramoedya dalam realisme sosial di dalam karya tersebut. Hasil kajian menunjukkan bahawa terdapat unsur keberpihakan penulis dalam teks yang dikaji seterusnya menjadi jawapan kepada persoalan kajian yang mempersoalkan posisi Pramoedya dalam realisme sosial di dalam karya *Gadis Pantai*.

Yau Chee Theng (2015) telah menjalankan kajian bertajuk *Realisme Dalam Cerpen-Cerpen Dua Penulis Mahua Di Malaysia*. Kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti pemikiran penulis karya Mahua di Malaysia. Karya yang dianalisis ialah karya-karya yang ditulis oleh Tuo Ling dan Yun Lifeng. Dapatan kajian ini mendapati karya-karya Tuo Ling dan Yun Lifeng menampilkan unsur-unsur realisme dengan menentang isu-isu yang benar-benar berlaku dalam masyarakat Cina di Malaysia. Antara isu realisme yang dapat dikenal pasti daripada karya-karya Tuo Ling dan Yun Lifeng seperti, kebudayaan, pendidikan, kewanitaan, pengaruh Konfusianisme, gejala sosial, amalan rasuah, permasalahan guru sandaran, isu berkaitan sekolah persendirian Cina dan juga masalah perkauman akibat peristiwa 13 Mei. Kesimpulannya, hasil daripada kajian ini telah menentang pemikiran dan idea-idea serius penulis dalam penulisan mereka.

Kesimpulannya, dengan meneliti kajian-kajian yang telah dilaksanakan oleh pengkaji terdahulu ini, pengkaji dapat mengetahui dan mengenal pasti tujuan sesebuah kajian atau analisis itu dijalankan. Daripada kajian-kajian yang diteliti, pengkaji juga telah mendapat gambaran tentang perkara yang perlu diberikan perhatian dalam kajian ini. Kajian-kajian ini juga dapat dijadikan sebagai panduan dan rujukan dalam mengenal pasti kelompangan yang wujud sama ada dalam kajian-kajian telah dilakukan mahupun di dalam karya-karya sastera yang dikaji itu sendiri. Dapatan-dapatan daripada kajian-kajian yang telah diteliti ini juga dapat dijadikan sebagai sumber kepada kajian ini. Kajian ini bertujuan untuk mengupas pemikiran realisme dengan memberikan fokus kepada wacana kemasyarakatan yang disampaikan dalam karya-karya Indie. Dapatan kajian ini seterusnya akan dapat digunakan bagi membuktikan novel-novel Indie turut membawakan pemikiran serius yang setaraf dengan karya-karya arus perdana pelbagai genre yang lain.


3.0 METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini berbentuk kualitatif menggunakan kaedah analisis dokumen terhadap lima buah novel Indie, iaitu novel *Aku Rindu 90's* (2012), *Surat-Surat Untuk Kaherah* (2013), *Kunang Pesisir Morten* (2015), *Tuhan Jaga Dia Untukku* (2017) dan *Budak Kelas Belakang* (2018). Data yang digunakan dalam kajian ini berbentuk korpus teks bertulis, iaitu menggunakan lima buah novel Indie seperti yang telah dinyatakan. Korpus menurut McEnergy dan Wilson (2006) berasal daripada bahasa Latin yang bererti *body* (badan, isi) yang bermaksud

koleksi sebarang teks yang mengandungi data bersifat tulisan ataupun pertuturan. Teks tersebut sama ada mengandungi maklumat linguistik atau kesusasteraan. Oleh itu, analisis atau kajian tentang puisi atau novel misalnya, amatlah sesuai menggunakan kaedah korpus ini.

Hasil analisis dokumen terhadap kelima-lima buah novel ini kemudiannya dikemukakan secara deskriptif untuk dinilai menggunakan perspektif realisme Georg Lukacs (1963). Georg Lukacs memandang realisme sebagai teori sastera yang melihat hubungan dialektik antara pengkarya dengan lingkungan sosialnya (Karyanto, 1997). Mengikut perspektif Georg Lukacs (1963), realisme diperoleh daripada proses merenung, memerhati serta melalui interaksi antara pengkarya dengan alam atau masyarakat yang menjadi latar dalam sesebuah karya sastera. M.H. Abrams (1957) dalam Rukayah (2016) turut menyatakan realisme sebagai sebuah gaya penulisan yang memaparkan realiti kehidupan masyarakat dan pengalaman manusia sebagai tujuan utama penulisan sesebuah karya. Pengkarya realisme tidak hanya digerakkan oleh persekitaran atau lingkungan sosialnya, tetapi dalam masa yang sama menggerakkan lingkungannya (Karyanto, 1997). Pendapat ini adalah bertepatan dengan konteks kajian ini dilaksanakan iaitu bagi meneliti wacana kemasyarakatan ke arah pembangunan dan penambahbaikan kualiti kehidupan masyarakat.

Melalui penggunaan kerangka teori realisme Georg Lukacs (1963) ini, pengkaji dapat mengenal pasti pemikiran yang disampaikan oleh penulis Indie dalam karya mereka. Pemikiran dalam konteks kajian ini terdiri daripada pandangan, wawasan, harapan dan nilai-nilai yang signifikan terhadap usaha membangunkan dan menambah baik kualiti hidup masyarakat. Pemikiran penulis yang dikenal pasti daripada kajian ini seterusnya akan dinilai menggunakan analisis perbandingan realisme, iaitu dengan membandingkannya dengan bukti-bukti realisme yang terdiri daripada dokumen seperti dasar-dasar kerajaan, akta, undang-undang, keratan akhbar, berita dalam talian, dan jurnal. Dengan demikian, pengkaji akan dapat membuktikan pemikiran penulis dalam novel-novel yang dikaji sememangnya berlandaskan kepada realiti sebenar yang berlaku dalam masyarakat seperti yang ditegaskan Eagleton (1976), iaitu sesebuah karya realisme sepatutnya menggambarkan realiti sosial secara jujur. Rajah 1 yang berikut akan menerangkan dengan lebih jelas tatacara analisis menggunakan kerangka teori realisme Georg Lukacs (1963).



Rajah 1 Kerangka Metodologi Kajian

Sumber: Amir Asyraff & Mary Fatimah. (2018). Menghapus Prejudis Perkauman Melalui Karya Indie: Analisis Terhadap Novel Kunang Pesisir Morten. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, Vol. 3, Issue 3. 53-68

Secara keseluruhannya, kajian ini dijalankan menggunakan metodologi yang tepat, sesuai dan selari dengan konteks kajian ini dilaksanakan. Kerangka teori dan kaedah-kaedah yang digunakan dalam melaksanakan kajian ini sememangnya relevan digunakan bagi mencapai objektif-objektif kajian seperti yang telah ditentukan di samping dapat menjawab kesemua persoalan kajian serta diyakini dapat menjamin dapatan kajian yang mampu digunakan bagi mengangkat karya-karya Indie sebagai setanding dengan karya-karya serius arus perdana yang lain.

■4.0 DAPATAN ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Dengan menggunakan sudut pandang realisme Georg Lukacs, pengkaji mendapati novel-novel Indie yang diteliti dalam kajian ini merupakan karya-karya realis yang sarat dengan pemikiran dan wacana kemasyarakatan ke arah membangunkan dan menambah baik kualiti hidup masyarakat. Pemikiran atau wacana kemasyarakatan yang dibawa oleh penulis-penulis Indie menerusi karya-karya mereka didapati menyentuh seluruh aspek kehidupan masyarakat dengan membahaskan aspek atau persoalan-persoalan berkaitan sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama dalam kehidupan masyarakat.

Persoalan-persoalan ini amatlah dekat dengan kehidupan sesebuah masyarakat. Setiap hari masyarakat pastinya akan bercampur gaul dan bersosial sesama mereka tidak kira secara terus mahupun melalui cara-cara lain seperti menggunakan media sosial atau menerusi rangkaian telekomunikasi yang lain. Begitu juga dengan pendidikan, setiap masyarakat semenjak dari usia lima atau enam tahun lagi sememangnya sudah mula terlibat dalam aktiviti pendidikan yang kemudiannya berterusan sehinggalah ke peringkat yang lebih tinggi. Lebih mustahak lagi adalah ekonomi, sebagai memenuhi keperluan untuk bertahan hidup (*survival*), masyarakat sama ada mahu ataupun tidak, harus menceburkan diri ke arah memajukan ekonomi diri, keluarga dan masyarakat agar mereka tidak terkebelakang dalam merasai nikmat kemajuan lebih-lebih lagi pada era dunia yang serba mencabar seperti pada hari ini. Demikian juga dengan politik, sebagai sebuah negara yang masih kuat pegangan feodalismenya, tanpa sedar keterlibatan masyarakat dalam politik sedikit banyak mempengaruhi

kemajuan dan kualiti hidup sesebuah masyarakat itu sendiri dan ini membuktikan bahawa masyarakat dan politik sebenarnya berpisah tiada. Samalah juga halnya dengan agama, sebagai masyarakat yang sedari kecil lagi sudah diasuh dengan prinsip kepercayaan kepada Tuhan sebagai tunjang kenegaraan, maka agama sering dirujuk sebagai cara hidup sesebuah masyarakat, masyarakat menjadikannya sebagai panduan agar tetap berada pada landasan yang benar dan diredhai dalam membina masyarakat yang maju dan hadhari.

Seperti yang diungkapkan oleh Che Abdullah (2015), sesebuah karya sastera tidak lahir dalam ruang yang kosong. Sesebuah karya lahir daripada proses merenung, memerhati serta melalui interaksi antara pengkarya dengan alam atau masyarakat yang menjadi latar atau subjek dalam sesebuah karya sastera (Georg Lukacs, 1963). Sungguhpun begitu, peranan sesebuah karya sastera tidak terhenti setakat itu sahaja, seseorang pengkarya tidak hanya digerakkan oleh persekitaran atau lingkungan sosialnya sahaja, tetapi turut berperanan menggerakkan lingkaran sosialnya (Karyanto, 1997). Sesebuah karya sastera haruslah mampu mendidik pembaca dan masyarakat untuk memahami dan menilai sesebuah keadaan sosial (Shahnon Ahmad, 1989). Maka, perbincangan ini akan mengupas pemikiran penulis-penulis Indie ke arah menggerakkan masyarakat khususnya pembaca untuk memahami, menilai dan seterusnya bertindak memperbaiki keadaan sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama ke arah kehidupan masyarakat yang lebih baik dan sejahtera.

Wacana Kemasyarakatan Dalam Aspek Sosial

Bagi aspek sosial, perbincangan ini akan mengupas wacana sosial yang di kemukakan dalam novel *Kunang Pesisir Morten* karya Raiha Bahaudin. Hasil analisis yang dilakukan, pengkaji mendapati Raiha Bahaudin memberikan fokus kepada masalah prejudis perkauman yang dilihatnya sebagai masalah yang menggugat perpaduan dalam kalangan masyarakat Malaysia. Masalah ini digambarkannya berlaku antara masyarakat Melayu (sebahagiannya masyarakat Jawa) dengan masyarakat Cina Hokkien. Raiha Bahaudin dengan beraninya telah mendedahkan sentimen prejudis yang sering berlegar dalam pemikiran masyarakat terhadap sesebuah masyarakat yang lain. Dari perspektif realisme, tindakan berani Raiha Bahaudin ini adalah selari dengan gagasan tugas pengarang realisme seperti yang selalu ditegaskan Eagleton (1976), iaitu dengan menggambarkan realiti sosial secara jujur dan selari dengan peredaran masa. Pemikiran Raiha Bahaudin ini dapat disaksikan menerusi petikan berikut;

Aku melihat Dhiya keras berbuku antara terperanjat dan terkedu. Matanya tidak berkelip dan menarik nafas panjang. Aku sendiri terdiam tidak dapat membendung pedih kasihan. Beberapa orang mak cik berhampiran kami dengan muat herot merot mereka sepenuh perasaan telah pun memulakan spekulasi malahan umpatan.

"Kena bunuh keluarga sendiri! Kau pun tahu, mereka bangsa tak suka beranak ramai."

"Bodoh kau ni! Kalau nak bunuh anak sendiri, tak kan mereka buat di belakang rumah!"

"Gangster Han mengamuk di situ minggu lepas. Ini kes balas dendam."

(Kunang Pesisir Morten, hlm 39)

dan;

Kami menyedari canggungnya orang ramai tidak senang apabila aku dan Dhiya duduk berkepit bersama Lim mencicip sengkuang calit dan ais kepal manis di Kampung Jawa. Banyak pula mata Kampung Morten menjeling prejudis apabila kami membawa Lim menyertai pesta layang-layang. Malah beberapa peniaga Cina konservatif Jalan Bunga Raya memarahi Lim apabila mendengar dia membawa kami bertemu Uncle Chen dan Tauke Chong. Aneh sekali sikap berburuk sangka begini.

(Kunang Pesisir Morten, hlm 112)

Sebagai sebuah karya realis, Raiha Bahaudin telah menggambarkan kenyataan yang sebenar-benarnya berlaku dalam masyarakat. Daripada kedua-dua petikan di atas, masyarakat tidak kira Melayu mahupun Cina, atau masyarakat lain sekali pun masing-masing digambarkan memiliki sentimen prejudis yang negatif terhadap satu sama lain. Raiha Bahaudin dengan lantang telah mendedahkan tanggapan negatif yang sering berlegar dalam pemikiran masyarakat terhadap kumpulan masyarakat lain. Dalam pada itu, masyarakat yang berbeza ini turut digambarkan Raiha Bahaudin sebagai tidak senang bergaul antara satu sama lain dan dilihat canggung sekiranya dua masyarakat yang berbeza ini bergaul bersama. Daripada perspektif realisme Georg Lukacs, hal ini mungkin berlaku disebabkan status negara Malaysia yang baru beberapa tahun pulih daripada krisis perkauman 13 Mei 1969 (Amir Asyraf dan Mary Fatimah, 2018). Maka tidak hairanlah mereka memiliki tanggapan sedemikian kerana mungkin masih berbekas di hati dan fikiran mereka tentang krisis yang telah berlaku sehingga membawa kepada keengganan mereka untuk bergaul antara satu sama lain. Hal ini daripada sudut pandang realisme Georg Lukacs akan mendatangkan kesan negatif kepada interaksi masyarakat seperti yang disuarakan oleh Ridhuan Tee (2010) yang menurutnya, keengganan mereka bergaul akan menyebabkan interaksi masyarakat terbatas. Interaksi mereka mungkin hanya akan terbatas dalam kalangan keluarga dan rakan taulan sahaja. Justeru, ini akan menjadi faktor yang menyebabkan pemikiran masyarakat hanya akan berlegar dan dipengaruhi oleh ruang lingkup persekitaran berbaur perkauman seterusnya membantutkan proses integrasi antara kumpulan masyarakat yang berbeza. Masyarakat sepatutnya lebih terbuka untuk saling bergaul antara satu sama lain agar dapat lebih mengenali dan harmoni.

Daripada sudut pemikiran, Raiha Bahaudin sebenarnya mahu menjentik kesedaran kepada masyarakat terutamanya pembaca supaya menyedari hakikat kudis yang wujud dalam perpaduan dan sosialisasi antara kaum atau kumpulan masyarakat di Malaysia. Raiha Bahaudin mahu mengajak pembaca supaya mengubah cara fikir yang berorientasikan perkauman agar lebih terbuka untuk bergaul dan berasimilasi bersama kumpulan masyarakat yang lain. Realitinya, Douglas (1967) turut menegaskan sekiranya tidak berlaku asimilasi dan penyesuaian akan menyumbang kepada ketidakseimbangan sosial dalam masyarakat. Selari dengan pendapat Douglas (1967) juga, Raiha Bahaudin cuba mewujudkan suatu suasana harmoni dengan menggambarkan asimilasi yang berlaku dalam persahabatan antara Dhiya, Adi (aku) dan Lim. Idea asimilasi ini digambarkannya melalui situasi Lim yang sudah tahu mencicip sengkuang calit dan ais kepal manis setelah dia bergaul dan bersahabat bersama Dhiya dan Adi. Situasi ini membuktikan Lim sudah mampu berasimilasi dengan memakan Makanan Melayu dan begitu juga dengan Dhiya dan Adi yang selesa bergaul bersama Lim. Jelas sekali, melalui pergaulan dan asimilasi sebegini mampu mewujudkan keseimbangan dan suasana harmoni dalam kehidupan mereka. Oleh yang demikian, pemikiran penulis ini

bolehlah diterima sebagai wacana kemasyarakatan ke arah menggalakkan lagi perpaduan dalam kalangan masyarakat serta sebagai usaha ke arah mewujudkan sosialisasi yang harmoni dan sejahtera dalam kalangan masyarakat Malaysia.

Wacana Kemasyarakatan Dalam Aspek Pendidikan

Perbincangan ini seterusnya akan mengupas wacana pendidikan masyarakat dengan membahaskan pemikiran Maisarah Mansor dalam novel Surat-Surat Untuk Kaherah. Maisarah Mansor didapati membangkitkan persoalan tentang kerelevanan kandungan kurikulum sekolah yang menurutnya bersifat terhad serta tidak mampu memberi peluang kepada masyarakat khususnya murid untuk berfikir secara lebih kritis dan kreatif, mampu memimpin serta mampu berfikir secara global. Pemikirannya ini dapat dilihat menerusi petikan berikut;

Kami duduk bersama di suatu lokasi rahsia, dan berbual mengenai dunia globalisasi. Aku tidak lagi terikat dengan silibus sekolah yang terhad. Shuhada mengajar aku matapelajaran politik, sejarah, pemikiran kritis dan penulisan kreatif.

(Surat-Surat Untuk Kaherah, hlm 61)

Melihat pemikiran Maisarah Mansor ini daripada sudut pandang realisme Georg Lukacs, pengkaji mendapati Maisarah Mansor sebenarnya berusaha menginterpretasikan saranan Muhyiddin seperti yang dinyatakan dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) (2013), iaitu “Sistem pendidikan kita perlu berupaya melahirkan generasi muda yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap dan berupaya berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global.” Maisarah Mansor telah menekankan tentang kepentingan mata pelajaran seperti politik, sejarah, pemikiran kritis dan juga penulisan kreatif. Pemikiran Maisarah Mansor ini amat berkait sekali dengan saranan Muhyiddin dalam PPPM (2013) tersebut. Melalui pendedahan kepada ilmu seperti politik, murid akan dapat melatih kemahiran memimpin seperti yang diaspirasikan dalam sistem pendidikan kita. Demikian juga dengan mata pelajaran lain seperti sejarah, akan dapat memantapkan lagi pengetahuan dan kepekaan murid terhadap perkara di sekeliling mereka di samping dapat memupuk nilai jati diri dan patriotisme yang tinggi dalam masyarakat. Dalam pada itu, melalui pengasahan pemikiran murid dengan perkara-perkara kritis dan kreatif akan dapat meningkatkan kemahiran berkomunikasi, iaitu bagi membahaskan isu-isu semasa, mencari penyelesaian masalah serta bagi menyalurkan ilmu pengetahuan ke peringkat global.

Pemikiran Maisarah Mansor ini turut didapati menepati prinsip realisme menurut Egaleton (1976) iaitu dengan menggambarkan realiti sosial secara jujur dan selari dengan peredaran masa. Berdasarkan latar masa yang digunakan dalam novel Surat-Surat Untuk Kaherah, iaitu sekitar tahun 90-an, pemikiran Maisarah Mansor ini daripada perspektif Georg Lukacs (1963) adalah selari dan berkait rapat dengan usaha Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk menambah baik sistem pendidikan kebangsaan ke arah standard antarabangsa. Buktinya pada tahun 2011, KPM mula melaksanakan Kurikulum Standard Sekolah Rendah (KSSR) secara berperingkat menggantikan Kurikulum Bersepadu Sekolah Rendah (KBSR) yang digunakan sebelum itu (PPPM, 2013). Menurut Mahdzir dalam Zulfadhli (2016) pula, “... kurikulum ini memberi penekanan kepada pengajaran berpusatkan murid dan pengajaran dibezakan di samping memberi lebih penekanan kepada penyelesaian masalah, tugasan berasaskan projek, memperkemas mata pelajaran atau tema dan melaksanakan pentaksiran formatif.” Berdasarkan bukti-bukti realisme ini, pemikiran yang dikemukakan Maisarah Mansor ini dilihat amatlah relevan, bertepatan dan signifikan dalam usaha mencapai hasrat pendidikan seperti yang diimpikan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK) serta bagi memenuhi aspirasi murid seperti yang digariskan dalam PPPM 2013-2025. Maka, pemikiran Maisarah Mansor ini boleh diterima sebagai sebuah wacana yang mampu memberi impak kepada pembangunan dan penambahbaikan kualiti hidup masyarakat ke arah melahirkan masyarakat yang berpengetahuan, mampu berfikir secara kritis dan kreatif, mempunyai kemahiran kepimpinan yang mantap serta berupaya berkomunikasi dengan berkesan di peringkat global menerusi pendidikan.

Wacana Kemasyarakatan Dalam Aspek Ekonomi

Status ekonomi sebuah masyarakat sering kali dilihat menjadi penanda aras tahap kemajuan sesebuah masyarakat. Oleh yang demikian, perbincangan ini turut akan mengupas persoalan ekonomi yang dibangkitkan penulis Indie dalam karya mereka. Perbincangan ini akan membahaskan wacana pembangunan ekonomi yang dikemukakan Emylia Mohd Nor di dalam novel Budak Kelas Belakang. Emylia Mohd Nor dikenal pasti telah menyuarakan idea agar semangat keusahawanan disemai kepada masyarakat seawal di bangku sekolah lagi sebagai persediaan kepada masyarakat bagi menghadapi persaingan ekonomi yang serba mencabar. Idea penulis ini dapat dilihat menerusi petikan berikut;

Masa aku tingkatan satu, ada ekspo keusahawanan. Setiap blok perlu memikirkan cara untuk menjana dana untuk blok masing-masing. Blok aku menjalankan perniagaan hiburan, rumah hantu.

(Budak Kelas Belakang, hlm 60)

Keusahawanan atau perniagaan secara realismenya merupakan satu daripada cara untuk menjanakan pendapatan yang seterusnya akan menyumbang kepada pembangunan ekonomu seseorang individu mahupun kepada sesebuah masyarakat. Justeru, sebagai penulis yang berpandangan jauh dan menyedari hakikat ini, Emylia Mohd Nor berusaha menyampaikan idea ini agar masyarakat turut sama menyedarinya kemudian mula berminat menceburkan diri dalam dunia keusahawanan sebagai cara untuk menambah baik taraf ekonomi diri dan masyarakat. Daripada perspektif realisme Georg Lukacs, pemikiran Emylia Mohd Nor ini dilihat selari dan turut dilakukan KPM menerusi pengimplementasian Elemen Merentas Kurikulum (EMK) yang menjurus kepada elemen keusahawanan dalam KSSR dan juga dalam Kurikulum Standard Sekolah Menengah (KSSM). Penerapan elemen keusahawanan di sekolah ini adalah bertujuan untuk membentuk ciri-ciri dan amalan keusahawanan sehingga menjadi satu budaya dalam kalangan murid (Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran, KSSM, Bahasa Melayu Tingkatan 3, 2019). Realitinya, kerajaan menerusi KPM sememangnya menitikberatkan elemen keusahawanan dalam kalangan masyarakat. Tambahan pula, dalam perkembangan dunia yang serba mencabar pada hari ini, ditambah lagi dengan jumlah graduan pemegang ijazah yang kian meningkat saban tahun, sudah pastinya peluang pekerjaan yang ada di negara ini tidak mampu menampung jumlah graduan tersebut lantas membuatkan masyarakat harus bersaing untuk mendapatkan pekerjaan. Maka,

keusahawanan dilihat sebagai cara yang paling sesuai bagi memastikan masyarakat khususnya graduan-graduan ini mendapat sumber pendapatan.

Daripada sudut pemikiran, Emylia Mohd Nor sebenarnya mahu menyuntik kesedaran kepada masyarakat agar menitikberatkan penyemaian budaya keusahawanan dalam kalangan generasi muda bermula seawal mereka di bangku sekolah lagi. Penyemaian budaya ini dilihat sebagai satu mekanisme untuk mempersiapkan masyarakat bagi mendepani cabaran dunia glocalisasi hari ini. Tambahan pula, pada era revolusi industri 4.0 ini, masyarakat sememangnya tidak boleh lagi berada dalam zon selesa dengan mengharapkan peluang pekerjaan daripada sektor awam dan swasta semata-mata. Hal ini pada realitinya turut ditegaskan oleh Idris Jusoh (2016) dengan mengatakan minda masyarakat terutamanya golongan graduan haruslah dianjakkan dengan mengubah cara fikir daripada pencari pekerjaan kepada penjana pekerjaan. Saranan Idris Jusoh (2016) ini menjadi bukti realisme yang jelas bagi mendesak masyarakat supaya berfikir lebih terkehadapan dengan menjadikan bidang keusahawanan sebagai bidang keberhasilan utama ekonomi. Masyarakat harus berani berubah, sanggup mengambil risiko dan harus bersedia untuk bersaing bagi merebut peluang dalam sektor ekonomi. Ketidaksediaan untuk bersaing dalam kerencanan ekonomi pada hari ini akan membuatkan masyarakat menjadi tercalar dan ketinggalan dalam arus kemajuan. Maka, pemikiran Emylia Mohd Nor ini boleh dianggap sebagai wacana yang mampu memacu masyarakat ke arah memajukan ekonomi seterusnya menambah baik kualiti hidup masyarakat.

Wacana Kemasyarakatan Dalam Aspek Politik

Kestabilan politik dalam sesebuah masyarakat juga memainkan pengaruh penting dalam usaha memajukan dan menambah baik kualiti hidup masyarakat. Keadaan politik yang tidak stabil akan menjejaskan proses pembangunan masyarakat itu sendiri. Justeru, sebagai karya sastera yang menyantuni masyarakat, karya-karya Indie turut membahaskan aspek politik di dalam karya mereka. Oleh itu, perbincangan ini akan mengupas pemikiran Wan Shafiq terhadap senario politik di Malaysia seperti yang dikemukakannya di dalam novel *Aku Rindu 90's*. Pemikirannya ini dapat disaksikan melalui petikan berikut;

Pernah sekali aku bertanyakan nenek aku soal surau.

“Kenapa tak pergi surau tu?”

“Eh, mana boleh pergi surau tu.”

“Kenapa?”

“Itu surau orang Barisan.”

Aku mengangguk, berdiam, walaupun akal aku masih tidak bersedia untuk memahami perkara-perkara sebegitu.

Kenapa perlu diasingkan penggunaan surau? Ini surau orang BN, ini surau orang PAS.

Ada beza ke?

Pahala lebih ke?

Apa kalau orang PAS sembahyang di surau orang BN tak diterima solatnya?

(Aku Rindu 90's, hlm 48)

Berpegang pada prinsip realisme yang sering ditekankan Eaglton (1976), Wan Shafiq secara jujurnya telah mendedahkan perpecahan masyarakat Islam yang disebabkan aliran politik yang diikuti sehingga mereka bertindak mengasingkan tempat ibadat mengikut aliran atau parti politik yang diikuti masing-masing. Situasi ini daripada perspektif realisme Georg Lukacs adalah disebabkan oleh pengamal-pengamal politik telah menyalahgunakan rumah ibadat dengan menjadikannya sebagai medan untuk berpolitik, berkempen ataupun menyebarkan ideologi politik yang menjadi pegangan sesebuah parti politik. Realitinya, situasi ini sememangnya berlaku dalam kehidupan masyarakat bahkan masih lagi berleluasa sehingga ke hari ini. Buktinya, Shakira (2017) yang telah memetik dakwaan seorang aktivitis politik yang dikenali sebagai Chegubard atau nama sebenarnya Badrul Hisham Shaharin yang mendakwa pihak Parti Islam Se-Malaysia (PAS) telah menyalahgunakan kemudahan di Surau Al-Falah dengan mengadakan permukiman di pilihan raya umum ke 14. Menurut Chegubard, aktiviti tersebut jelas diadakan di ruang solat berdasarkan gambar-gambar yang telah tersebar. Dalam pada itu, Shakira (2017) turut mendedahkan tindakan yang sama yang dilakukan oleh seorang ahli parlimen Parti Keadilan Rakyat (PKR), Sivarasa yang telah mengundang rasa dukacita baginda Sultan Selangor. Sivarasa dikatakan telah menyampaikan ceramah politik ketika menyampaikan sumbangan untuk masjid dan surau di kawasan parlimen Kota Raja. Dalam pada itu, hasil analisis realisme yang dilakukan turut mendapati pihak Barisan Nasional (BN) juga melakukan tindakan yang sama. Pihak BN telah mencemarkan kesucian rumah ibadat dengan menampal poster di dalam surau dan masjid (Mohd Hashim, 2013). Kegiatan yang mencemarkan kesucian rumah ibadat ini dilakukan semasa tempoh berkempen bagi pilihan raya kecil Besut pada tahun 2013. Selain surau dan masjid, kegiatan politik tidak matang ini turut dilakukan di tanah perkuburan orang-orang Cina. Buktinya, Jia (2018) telah mengkritik tindakan ahli BN yang telah meletakkan dan mengibarkan bendera parti di sebuah kawasan perkuburan Cina di Melaka. Tindakan-tindakan seperti ini adalah tindakan yang tidak menghormati rumah ibadat serta melanggar sensitiviti yang sepatutnya dijaga oleh setiap rakyat Malaysia.

Daripada sudut pemikiran, Wan Shafiq sebenarnya mahu melmparkan kritikan terhadap sikap pengamal-pengamal politik yang tidak matang yang membawa kepada perpecahan ummah seperti yang digambarkan dalam petikan tersebut. Politik dan agama merupakan dua perkara yang berbeza. Agama ada pegangan hidup manusia, sementara politik hanyalah sekadar aliran untuk memperjuangkan hak dan ideologi sesebuah kelompok, kumpulan masyarakat atau parti politik bagi konteks politik di Malaysia. Justeru, tindakan mencampuradukkan politik dan agama sehingga membawa kepada perpecahan ummah merupakan senario politik yang tidak sihat dan wajar untuk dihindari. Melalui pendedahan realiti politik sebegini, Wan Shafiq sebenarnya mahu memberi kesedaran kepada masyarakat agar mengubah cara mereka berpolitik ke arah yang lebih sihat. Buktinya, Wan Shafiq telah membangkitkan persoalan seperti, “Ada beza ke?”, “Pahala lebih ke?”, dan “Apa kalau orang PAS sembahyang di surau orang BN tak diterima solatnya?”. Secara tidak langsung, melalui persoalan-persoalan ini Wan Shafiq sebenarnya telah dapat membuktikan bahawa pengamalan politik yang sedemikian tidak membawa sebarang keuntungan mahupun kebaikan. Oleh yang demikian, kritikan atau pemikiran Wan Shafiq ini bolehlah diterima sebagai wacana bagi mendidik masyarakat agar mengelakkan diri daripada mengamalkan budaya politik yang tidak sihat dan fanatik

sehingga membawa kepada perpecahan ummah. Maka, jelaslah wacana kemasyarakatan yang dibawa Wan Shafiq amatlah relevan dalam usaha membangunkan dan menambah baik kualiti hidup masyarakat.

Wacana Kemasyarakatan Dalam Aspek Agama

Penghayatan agama dalam kalangan masyarakat juga perlu diberi perhatian yang serius dalam proses mewujudkan masyarakat yang berdaya maju dan sejahtera. Sungguhpun begitu, menjadi masyarakat yang semata-mata maju tidaklah bererti sesebuah masyarakat itu sejahtera. Kesejahteraan sesebuah masyarakat adalah bergantung pada usaha sesebuah masyarakat dalam meletakkan diri mereka sebagai sebuah masyarakat yang terhormat dan dihormati. Maka, sebagai penulis realis yang menyedari hakikat keperluan ini, Khairul Hakim Muhammad melalui karyanya Tuhan Jaga Dia Untukku telah mengemukakan pemikiran ke arah menjadikan masyarakat lebih terhormat seiring dengan kemajuan yang dikecapi. Pemikirannya ini telah difokuskannya kepada golongan remaja perempuan dengan memberi penekanan agar mereka sentiasa menjaga diri dan maruah mereka. Meskipun penyampaiannya difokuskan kepada golongan remaja perempuan, akan tetapi pemikiran Khairul Hakim Muhammad ini sebenarnya merangkum keseluruhan masyarakat itu sendiri. Oleh itu, perbincangan ini akan mengupas pemikiran Khairul Hakim Muhammad ke arah pembentukan masyarakat yang maju, sejahtera dan terhormat berlandaskan kepada penghayatan agama. Idea Khairul Hakim Muhammad ini telah diolahnya seperti berikut;

Semua pulang ke rumah ibu bapa masing-masing. Nurul tidak memandang langsung ke Aspura. Hatinya cukup membara dengan surat kecil itu. Memang ya boleh menambah fitnah kepada dirinya. Itu pun sudah cukup berjaga. Masih lagi ada yang suka mengurap hingga ke tahap menghantar nota. Jika diketahuhi Ustazah Nora dan Cikgu Zul, pasti lebih parah. Lebih lagi jika ditangkap, sudah pasti ibu bapa yang perlu hadir menerima sesi kaunseling daripada warden dan guru disiplin. Itu pasti memalukan. Itulah antara perkara yang paling ditakuti oleh ibu bapa jika menghantar anak-anak ke sekolah berasrama.

(Tuhan Jaga Dia Untukku, hlm 50-51)

Secara realitinya, Malaysia kini sememangnya sedang menuju ke arah status negara maju menjelang tahun 2020. Sungguhpun begitu, usaha ke arah mencapai status tersebut ditentukan oleh generasi belia atau remaja yang seimbang dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani berdasarkan kepercayaan kepada Tuhan seperti yang digariskan dalam Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Dasar Pembangunan Belia Negara (Siti Aisyah & Sidar, 2016). Justeru, hasrat ini tentunya menjadi rumit untuk dicapai sekiranya golongan remaja atau belia ini terjebak dengan tingkah laku negatif termasuklah permasalahan akhlak yang bertentangan dengan nilai-nilai ketimuran dan prinsip Islam. Jika dilihat pada petikan di atas, Khairul Hakim Muhammad berusaha mencegah remaja daripada terjebak dengan permasalahan sosial seperti percintaan yang dilihatnya boleh mengundang natijah yang lebih besar seperti pergaulan bebas antara remaja lelaki dan perempuan, seks bebas ataupun lebih parah lagi boleh mengundang kepada masalah seperti hamil anak luar nikah dan pembuangan bayi. Realitinya, menurut Mohammad Shatar (2003), lebih 300 orang kanak-kanak dan remaja Melayu berumur antara 13 hingga 25 tahun telah didapati terlibat dengan salah laku seksual dan seks bebas sehingga menyebabkan kehamilan dan kesanggupan untuk melakukan pengguguran janin atau kandungan. Sementara hasil kaji selidik oleh Durex seperti yang dikemukakan Siti Aisyah & Sidar (2016) mendapati remaja Malaysia yang berusia 18 tahun ke bawah kerap melakukan hubungan seks iaitu sebanyak 135 kali setahun. Situasi buruk inilah yang cuba dicegah dan diatasi oleh Khairul Hakim Muhammad dalam novelnya. Khairul Hakim Muhammad telah berfikir lebih terkehadapan dengan melihat kesan-kesan yang mungkin terjadi sekiranya remaja tidak dididik untuk menghindari perkara-perkara yang boleh merosakkan diri dan maruah mereka sesuai dengan sabda Rasulullah S.A.W yang memerintahkan umatnya untuk selalu menjaga kehormatan diri yang mafhumnya berbunyi, “*Sesungguhnya Allah S.W.T senang dengan hamba-Nya yang mukmin dan fakir namun tetap menjaga kehormatan dirinya serta menanggung nafkah keluarganya.*” (Hadis riwayat Bukhari dan Muslim). Sabda Rasulullah S.A.W. ini menjadi bukti realisme yang jelas untuk menyokong idea pentingnya menjaga maruah diri bagi setiap orang Islam lebih-lebih lagi bagi generasi muda yang bakal menggerakkan kemajuan masyarakat pada masa akan datang. Hadis ini daripada perspektif realisme Georg Lukacs turut membuktikan bahawa sesebuah kemajuan tidaklah bermakna sekiranya masyarakatnya tidak dipandang hormat dan dihormati. Maka, pemikiran Khairul Hakim Muhammad ini dilihat amatlah relevan dalam menyampaikan mesej kepada golongan remaja yang dianggap sebagai akar kepada sesebuah masyarakat dalam usaha memastikan masyarakat sentiasa dipandang hormat seiring dengan kemajuan yang dikecapi.

Daripada sudut pemikiran, Khairul Hakim Muhammad sebenarnya berusaha membuka mata masyarakat agar melihat permasalahan ini sebagai masalah yang boleh menggugat proses kemajuan sesebuah masyarakat. Untuk mengatasi permasalahan ini, Khairul Hakim Muhammad bertindak memberi penekanan pencegahan di peringkat seawal usia remaja lagi dengan tidak menggalakkan remaja terlibat dengan budaya percintaan yang dianggapnya boleh menjerumuskan mereka kepada natijah yang lebih besar dan serius. Remaja sepatutnya diasuh dengan penghayatan agama agar sentiasa terpandu dengan prinsip-prinsip moral dan akhlak yang terpuji. Daripada perspektif realisme Georg Lukacs, Malaysia sememangnya memerlukan rakyat yang bermoral tinggi dan berakhlak terpuji bagi mendepani cabaran globalisasi untuk mencapai status negara maju (Siti Aisyah dan Sidar, 2016). Ke arah ini, peranan ibu bapa amatlah ditagih dalam usaha mendidik remaja agar tidak terjebak dengan gejala atau permasalahan sosial seperti yang ditekankan oleh Lee (2018) yang berkata, ibu bapa tidak boleh lepas tangan dengan mengharap pihak berkuasa sahaja mengambil tindakan. Menurut Rumaya dalam Afiq Amani (2018) pula, anak-anak tidak kira lelaki dan perempuan perlu diberikan penjelasan yang memberikan gambaran menyeluruh terhadap kesan yang bakal menimpa sekiranya tidak menjaga batas pergaulan mengikut kesesuaian umur mereka. Dalam hal ini, penghayatan agama dilihat sebagai antara penyelesaian yang efektif dalam usaha membendung masalah sosial dalam kalangan remaja terutamanya dalam permasalahan pergaulan bebas dalam kalangan remaja. Buktinya, Ahmad Sanusi dalam Afiq Amani (2018) menegaskan bahawa Al-Quran menekankan setiap individu harus mengawal diri dan nafsu dengan menundukkan pandangan dan berpakaian menutup aurat. Pendapat Ahmad Sanusi ini menjadi bukti realisme yang jelas bagi menyokong idea memperhebatkan penghayatan agama dalam kalangan masyarakat sebagai satu daripada usaha bagi memastikan sesebuah masyarakat sentiasa dihormati oleh masyarakat lain. Oleh yang demikian, pemikiran Khairul Hakim Muhammad ini dapatlah diterima sebagai wacana bagi mendidik masyarakat terutamanya remaja termasuklah ibu bapa serta pihak yang bertanggungjawab agar sentiasa menerapkan penghayatan agama

sebagai panduan dan cara hidup masyarakat sebagai cara untuk menjadikan sesebuah masyarakat itu disegani dan dihormati sesuai dengan tahap kemajuan yang telah dicapai.

■5.0 KESIMPULAN KAJIAN

Berdasarkan dapatan analisis dan perbincangan yang telah dikemukakan, kesemua novel Indie yang diteliti dalam kajian ini didapati membawa wacana-wacana kemasyarakatan yang signifikan dan berimpak ke arah pembangunan dan penambahbaikan kualiti hidup masyarakat agar masyarakat dapat menjalani kehidupan dengan lebih sejahtera, harmoni, berdaya saing, maju serta mampu menjadikan masyarakat Malaysia dihormati dan disegani oleh dunia luar. Wacana-wacana kemasyarakatan yang dikenal pasti daripada kajian ini dilihat mampu menjadi mekanisme bagi menggerakkan masyarakat untuk menyelesaikan setiap permasalahan dan kebejatan yang wujud dalam sesebuah masyarakat.

Menyimpulkan daripada perspektif karya sastera pula, pemikiran atau wacana yang dibawa oleh penulis-penulis Indie dalam karya-karya yang diteliti dalam kajian ini didapati menyentuh segenap aspek kehidupan masyarakat dengan membahaskan tema dan persoalan yang begitu dekat dan berkait rapat dengan kehidupan seharian masyarakat. Antara aspek kemasyarakatan yang disentuh oleh penulis-penulis Indie ini adalah seperti sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama. Seperti yang ditegaskan Kamariah (2009), sesebuah karya sepatutnya menawarkan hubungan yang harmonis antara karya, pengkarya dan khalayak, maka pengkaji berpendapat karya-karya ini boleh diterima sebagai karya sastera yang membawa pemikiran serius yang mampu memberi impak positif terhadap proses pembangunan dan penambahbaikan kualiti kehidupan masyarakat.

Bagi membidas permasalahan kajian pula, dapatan analisis dan perbincangan yang telah dikemukakan dalam kajian ini telah dapat menjawab kesemua dakwaan dan tuduhan negatif yang telah dilemparkan terhadap karya-karya Indie. Dapatan analisis membuktikan bahawa novel atau karya-karya Indie tidaklah membawa tema, persoalan dan pemikiran negatif atau berhaluan kiri seperti yang digembargemburkan oleh sesetengah pihak sebelum ini. Hasil analisis perbandingan realisme menggunakan teori realisme Georg Lukacs terhadap karya-karya yang dikaji, pengkaji mendapati wacana atau pemikiran yang dibawa oleh mereka adalah selari dan bertepatan dengan dokumen-dokumen seperti dasar-dasar kerajaan, akta, undang-undang, jurnal, makalah, buku-buku ilmiah, dokumentari, dan berita termasuklah berita-berita yang disiarkan secara dalam talian. Maka tidak ada bukti yang jelas untuk menuduh karya-karya Indie membawa pemikiran yang menentang dasar-dasar kerajaan atau membawa ideologi protes berhaluan kiri seperti yang didakwa sebelum ini. Oleh itu, dakwaan tersebut bolehlah dianggap sebagai tuduhan tanpa usul periksa terhadap karya-karya Indie.

Bagi menjawab tuduhan yang menuduh karya-karya Indie sebagai karya yang tidak menghiraukan bahasa dan akal budi pula, maka dapatan analisis dan perbincangan dalam kajian ini dapatlah digunakan sebagai bukti bagi menyangkal tuduhan yang tidak berasas tersebut. Melalui pembahasan aspek-aspek seperti sosial, pendidikan, ekonomi, politik dan agama dalam kajian ini, ternyata pemikiran-pemikiran yang dibawa oleh penulis-penulis Indie kesemuanya menjurus ke arah pembangunan masyarakat agar menjadi masyarakat yang maju, sejahtera dan dihormati. Sekali lagi dapatan kajian ini dapat menepis dakwaan dan tuduhan liar yang tidak berasas yang sering dilemparkan kepada karya-karya dan penulis Indie sebelum ini. Oleh yang demikian, definisi-definisi negatif masyarakat dan golongan cerdik pandai sastera terhadap karya-karya Indie sebelum ini haruslah diubah dan semua pihak sepatutnya sudah mula menerima dan mengiktiraf karya-karya Indie sebagai karya serius yang setanding dengan karya-karya sastera arus perdana yang lain. Yang membezakan karya-karya Indie dengan karya-karya arus perdana hanyalah saluran penerbitannya semata-mata.

Dengan ini, diharapkan dapatan daripada kajian ini dapatlah dijadikan sebagai hujah dan justifikasi dalam menilai karya-karya Indie di Malaysia di samping dapat menjadi panduan kepada masyarakat pembaca dalam memilih karya-karya Indie yang bagus untuk dibaca. Semoga dapatan kajian ini akan dapat mencerahkan pandangan masyarakat terhadap karya-karya Indie serta dapat membuka mata masyarakat bahawa karya-karya Indie juga sarat dengan wacana, pemikiran, idea, pandangan, wawasan serta harapan yang relevan dengan nilai-nilai kemasyarakatan. Tuntasnya, dapatan kajian ini telah membuktikan karya-karya Indie sebenarnya mampu menyaingi malahan ada antaranya adalah setanding dengan karya-karya arus perdana pelbagai genre di Malaysia.

Rujukan

- Ali, Halim, Norazimah Zakaria & Ariff Mohamad. (2017). Gambaran Budaya Masyarakat Brunei Dalam Kumpulan Puisi Diam-Diam Karya K. Manis. *Jurnal Melayu*, 16(2), 235-254.
- Afiq Amani Nahdirsha. (2018). Tangani Segera Kebejatan Sosial Remaja. *Kosmo Online*. Didapati daripada: <http://www.kosmo.com.my/k2/rencana-utama/tangani-segera-kebejatan-sosial-remaja-1.740388>. Diakses pada: 23 Mac 2019.
- Amir Asyraff Jamin & Mary Fatimah Subet. (2018). Menghapus Prejudis Perkauman Melalui Karya Indie: Analisis Terhadap Novel Kunang Pesisir Morten. *MALTESAS Multi-Disciplinary Research Journal (MIRJO)*, 3(3), 53-68.
- Asyraff Jamin. (2018). Realisme: Aliran Sastera Yang Semakin Jernih. *Mingguan Malaysia*.
- Biro Tatanegara. (2015). *Gerakan Indie di Malaysia*. Didapati daripada: <https://archive.org/details/GerakanIndieDiMalaysia>. Diakses pada: 30 Oktober 2017.
- Cambridge Advanced Learner's Dictionary Fourth Edition*. (2013). United Kingdom: Cambridge University Press.
- Che Abdullah Che Ya. (2015). Bayangan Wacana Politik Dalam Karya Sastera : Analisis Novel Kawin-Kawin. *Malaysian Journal of Communication*, 31(2), 461-476.
- Dokumen Standard Kurikulum dan Pentaksiran Bahasa Melayu Tingkatan 3*. (2019). Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia.
- Douglas, S. A. (1967). *Political Socialization And Student Activism In Indonesia*. Illinois: University of Illinois.
- Emyilia Mohd Nor. (2018). *Budak Kelas Belakang*. Batu Caves: Komrad Buku.
- Georg Lukacs. (1963). *The Theory of The Novel*. Terjemahan Anna Bostock. (1971). London: The Merlin Press.
- Hasyuda Abadi. (2016). Indie Dan Sastera Kreatif. *Utusan Borneo*.
- Ibe Karyanto. (1997). *Realisme Sosialis Georg Lukacs*. Jakarta: PT Gramedia Pustaka Utama.
- Ibnu Hasyim. (24 Julai 2013). *BN (Politik Tidak Islamik) Lekat Poster Dalam Surau & Masjid. Ini..*. Didapati daripada: <http://www.ibnuhasyim.com/2013/07/bn-politik-tidak-islamik-lekat-poster.html>
- Idris Jusoh. (15 April 2016). Pelan Tindakan Keusahawanan IPT Lahir Graduan Unggul. *BH Online*. Didapati daripada: <https://www.bharian.com.my/node/144039> Diakses pada: 13 Ogos 2018.
- Jia Vern Tham. (2018). *BN Flags Were Spotted In A Chinese Cemetery In Melaka*. Didapati daripada: <https://says.com/my/news/bn-party-flags-were-spotted-in-a-chinese-cemetery-and-people-are-not-having-it> Diakses pada: 27 Ogos 2018.

- Johnny Rogan. (1992). *Introduction: The Guinness Who's Who of Indie and New Wave Music*. London: Guinness Publishing.
- Kamariah Kamarudin. (2009). Antara Komersialisme Dengan Intelektualisme Dalam Novel Getaran Rindu. *Jurnal Pengajian Melayu*, 20, 99-118.
- Khairul Hakim Muhammad. (2017). *Tuhan, Jaga Dia Untukku*. Bangi: Dubook Press Sdn. Bhd.
- Lee Lam Thye. (2018). MCPF Sokong Bابتikan Ibu Bapa Cegah Gejala Sosial. *Bernama.com*. Didapati daripada: <http://www.bernama.com/bm/news.php?id=1663450>. Diakses pada : 14 Januari 2019.
- Maisarah Mansor. (2013). *Surat-Surat Untuk Kaherah*. Petaling Jaya: Merpati Jingga
- Marzalina Mansor, Nor Hafiah Ibrahim & Hasmawati Hassan. (2016). Pemikiran Dalam Novel Sebalik Yamashita Dan Percivel. *Proceeding of International Seminar on Generating Knowledge Through Research 1*, 101-112. Sintok: Universiti Utara Malaysia, Malaysia
- McEnery, T & Wilson, A. (2006). *Definition of a Corpus*. Didapati daripada: <http://bowland-files.lancs.ac.uk/monkey/ihe/linguistics/corpus1/1fra2.htm>. Diakses pada: 4 Jun 2019.
- Mohammad Shatar Sabran. (2003). *Pengenalan Kepada Masalah Sosial*. Serdang: Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Khairul Adenan, Florence Gilliam Kayad & Muhammad Zaid Daud. (2018). Analisis Stilistik Melalui Penggunaan Bahasa Dalam Novel Sastera Indie: Karya Azwar Kamaruzaman. *Jurnal Kesidang*, 3, 106-121.
- Mohd Ridhuan Tee Abdullah. (2010). Cabaran Integrasi Antara Kaum Di Malaysia : Perspektif Sejarah, Keluarga Dan Pendidikan. *Jurnal Hadhari*, 3, 61-84.
- Muhammad Rashidi dan Siti Nur Hidayah. (2016). *Laporan Awal: Sorotan Fenomena Buku Indie Di Malaysia*. Didapati daripada: http://www.jais.gov.my/sites/default/files/Laporan%20awal_Fenomena%20Buku%20Indie.pdf. Diakses pada: 2 Jun 2018.
- Nor Hasimah Ismail & Melor Fauzita Md Yusoff. (2016). Karya Indie : Revolusi Penulis Generasi Baru. *Proceeding of ICECRS, 1*, 565-570.
- Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013-2025* (2013).. Putrajaya: Kementerian Pendidikan Malaysia .
- Pramoedya Ananta Teor. (2003). *Realisme Sosialis dan Sastra Indonesia*. Jakarta: Lentera Dipantara.
- Raiha Bahaudin. (2015). *Kunang Pesisir Morten*. Bangi: Nubook Press Sdn. Bhd.
- Rukayah. (2016). Menyoal Realisme Sosial Dalam Novel Gadis Pantai Karya Pramoedya Ananta Teor Dengan Analisis Strategi Naratif. *Jurnal Publikasi Pendidikan, VI(1)*, 14-23.
- Shahnon Ahmad. (1989). *Gubahan Novel*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Shakira Buang. (2017). *PAS Pula Dituduh Buat Acara Politik Dalam Surau*. Didapati daripada: <https://www.malysiakini.com/news/384751> Diakses pada : 22 Julai 2018.
- Siti Aisyah Yahya & Sidar Binti Masrun. (2016). Tahap Penghayatan Agama Dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. *Jurnal Sains Sosial Jilid 1 2016*, 17-35.
- Terry Eagleton. (1976). *Marxism and Literary Criticism*. California: University of California Press.
- Tori. (2004). *Indie*. Didapati daripada Urban Dictionary:<http://www.urbandictionary.com/define.php?term=indie> Diakses pada: 16 Disember 2017.
- Wan Shafiq. (2012). *Aku Rindu 90's*. Subang Jaya: Lejen Press Sdb. Bhd.
- Yau Chee Theng. (2015). Realisme Dalam Cerpen-Cerpen Dua Penulis Mahua Di Malaysia. Tesis Ijazah Sarjana Sastera. Fakulti Bahasa Dan Komunikasi Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjung Malim.
- Zulfadhli Zulkifli. (2016). KSSM, KSSR Baharu Dilaksana 2017. *BH Online*. Didapati daripada : <https://www.bharian.com.my/node/228986> Diakses pada: 28 Ogos 2018.